

24/06/2003

Pemantauan mampu cegah bencana buatan manusia

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan kerajaan akan membuat pemantauan berterusan bagi mencegah bencana buatan manusia.

"Kita sudah cukup menderita kerana bencana buatan manusia. Kita sudah hilang berjuta-juta ringgit kerana kelalaian manusia. Kita sudah cukup sengsara akibat kesalahan kita kerana tidak menghargai alam sekitar," katanya.

Sehubungan itu, katanya, semua pembangunan fizikal perlu dilakukan dengan berhati-hati menurut piawaian tertinggi serta tidak menjejaskan alam sekitar bagi mengelak sebarang bencana.

"Dalam semua pekerjaan kita, baik membina kemudahan awam, perumahan dan hartanah komersial, loji perindustrian atau membuka hutan, kita perlu berhati-hati bagi memastikan prasarana itu selamat," katanya dalam ucapan pada Persidangan Kebangsaan Mengenai Bantuan Bencana di sini, semalam.

Ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Hadir sama, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Dr Zainul Ariff Hussain.

Persidangan tiga hari yang bermula Sabtu lalu itu membincangkan gerak kerja bantuan bencana serta usaha menubuhkan Gabungan Kebangsaan Pertubuhan Bukan Kerajaan Bagi Bantuan Bencana (NCNDR).

Abdullah berkata, Malaysia amat bernasib baik bukan saja kerana mempunyai pemimpin seperti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi juga kerana tidak mengalami bencana alam, seperti gempa bumi yang berlaku di negara jiran.

Bagaimanapun, katanya, kelalaian manusia menyebabkan berlakunya beberapa tragedi seperti letupan di kilang bunga api di Sungai Buloh dan Highland Towers yang mengorbankan banyak nyawa.

"Berapakah kejadian tanah runtuh yang anda tahu bukan disebabkan tindakan membersihkan hutan, memotong bukit dan projek pembangunan?" katanya.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, satu lagi bentuk bencana buatan manusia yang amat berbahaya dan semakin serius ialah bencana akibat keganasan yang boleh mengancam kelangsungan rakyat dan negara.

Justeru, katanya, kerajaan tidak akan membiarkan mana-mana pihak menyebabkan bencana dan memusnahkan apa yang dibangunkan negara sejak merdeka.

"Biarlah saya memberi jaminan kepada setiap rakyat Malaysia. Kerajaan anda sedang menanganinya. Kita amat tegas dan tidak akan membenarkan mereka yang tidak menghormati undang-undang dan tidak waras memusnahkan apa yang kita usahakan dengan bersusah payah sejak 1957.

"Malaysia bukan tempatnya bagi keganasan, biarpun dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) atau tanpa ISA," katanya.

Abdullah juga memberi jaminan kerajaan akan memberi perhatian kepada segala permasalahan yang dibangkitkan NGO yang terbabit dalam bantuan bencana.

Katanya, kerajaan sedar ada NGO yang berasa pengorbanan mereka tidak dihargai atau dipinggirkan agensi kerajaan terbabit.

"Saya berjanji ia akan diberi perhatian serius. Kami dalam kerajaan menghargai bantuan kemanusiaan yang disalurkan NGO kepada rakyat dan agensi kerajaan terbabit," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan mempunyai koordinasi kebangsaan yang cekap bagi menghadapi bencana dan darurat dengan setiap wakil rakyat sentiasa bersedia membantu.